

Latihan 2: Seretkan jawapan yang betul di sebelah kanan ke dalam ayat-ayat yang sesuai.

Disamping itu, beliau diiktiraf sebagai salah seorang daripada saintis dunia yang mempunyai minda saintifik paling berpengaruh di dunia oleh Agensi Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat. Beliau merupakan penerima Anugerah Merdeka 2014. Perkara inilah yang beliau telah berjaya membuktikan kehebatan anak watan dalam dunia penyelidikan yang setaraf dengan saintis luar negara.

Beliau dilahirkan di Beranang, Selangor pada 4 Januari 1967. Beliau merupakan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia Serta Dekan Penyelidikan, Sains Fundamental, Universiti Sains Malaysia. Bukan itu sahaja, beliau amat dihormati dan disayangi oleh para pelajarinya.

Antara kejayaannya ialah beliau telah berjaya menjalankan kajian dan penyelidikan bagi merawat sisa kilang kelapa sawit dengan menggunakan teknologi membran. Tujuan kajian yang dijalankan oleh beliau adalah untuk mengurangkan pencemaran air sungai. Impaknya, beliau dapat memastikan ekosistem akuatik terjaga daripada berlakunya pencemaran.

Ahli Sains Bertaraf Dunia

P1
Pendahuluan

Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad ialah ahli saintis yang bertaraf dunia. Beliau sangat hebat dalam lapangan penyelidikan. Oleh itu, beliau telah berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia.

P2
Maklumat 1

Beliau

P3
Maklumat 2

Antara

P4
Maklumat 3

Di samping itu,

P5
Penutup

Kesimpulannya, kita mestilah mengikuti jejak langkah kejayaan beliau. Oleh itu, kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh demi mengejar kejayaan hidup. Benarlah pepatah Melayu ada mengatakan bahawa "usaha tangga kejayaan".